

KONSEP PERUBATAN ISLAM



Oleh
Tuan Guru Dato' Dr. Haron Din
Darussyifa'

Isi Kandungan

KONSEP PERUBATAN ISLAM

1.0 PENDAHULUAN	2
2.0 PRINSIP ASAS PERUBATAN.....	4
Asas Perubatan	5
Kebersihan.....	6
Penyakit Berjangkit	6
Setiap Penyakit ada ubatnya	7
Kifarah.....	8
Ajal ditentukan oleh Allah	9
Jauhi Bahan Ubat yang diharamkan oleh Allah	10
3.0 HUKUM DAN AMALAN	11
4.0 DOA DAN RAWATAN	14
Kisah Sahabat Nabi merawat dengan Surah Al-Fatihah.....	15
Doa yang makbul.....	16

KONSEP PERUBATAN ISLAM

1.0 PENDAHULUAN

Allah s.w.t. berfirman (*Al-Quran: al-Isra': 82*):

وَنَزَّلْنَا مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ

Dan Kami turunkan daripada al-Quran itu sesuatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang yang beriman.

Dalam surah *Fussilat:44* pula terdapat firman Allah:

قُلْ هُوَ لِلَّذِينَ آمَنُوا هُدًى وَشِفَاءٌ وَالَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ فِي آذَانِهِمْ وَقْرٌ وَهُوَ عَلَيْهِمْ عَمًى أُولَٰئِكَ يُنَادَوْنَ مِن مَّكَانٍ بَعِيدٍ

Katakanlah bagi mereka yang beriman, al-Quran itu adalah petunjuk dan penawar bagi mereka yang beriman. Mereka yang tidak beriman, pada telinga mereka ada sumbatan, sedangkan al-Quran itu sesuatu kegelapan bagi mereka. Mereka ini adalah seperti orang yang dipanggil dari tempat yang jauh.

Sesetengah ahli tafsir menerangkan perkataan "من" yang terdapat dalam surah di atas (*al-Isra':82*) bukan *lit-tab'id* للتبويض, bererti bahawa al-Quran itu keseluruhannya adalah penawar, bukan sebahagian daripadanya sahaja. Al-Quran boleh digunakan untuk menangani sakit fizikal juga sakit yang berkaitan dengan hati, jiwa dan roh, seperti kejahilan, kesesatan dan sebagainya. Kesejahteraan fizikal berkait rapat dengan kesejahteraan hati. Mengenainya. Rasulullah s.a.w. ada bersabda:

إِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ. وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، إِلَّا وَهِيَ الْقَلْبُ.

Sesungguhnya pada jasad itu ada seketul daging, apabila ia sejahtera, maka sejahteralah keseluruhan jasad. Dan apabila rusak akan dia, maka rusaklah keseluruhan jasad, iaitu hati. (*Muttafaq 'alaih*).

Menurut Ahmad Mahmud (1994:18), hal demikian tidak bererti bahawa al-Quran itu digunakan sebagai tangkal, ataupun azimat, kerana baginda Rasulullah s.a.w. tidak berbuat demikian dan tidak menyuruhnya, bahkan baginda adakalanya melakukan rawatan dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran dan bahan-bahan semula jadi untuk merawat dirinya. Baginda menyuruh mereka yang sakit, yang terdiri daripada kaum keluarga juga para sahabat agar berbuat demikian.

Baginda juga melakukan rawatan bergantung kepada punca penyakit. Baginda bersabda:

إِنَّ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً فَإِذَا أُصَابَ دَاءٌ الدَّاءُ بَرَاءً بِإِذْنِ
عَزَّوَجَلَّ.

Sesungguhnya bagi setiap penyakit itu ada ubat. Maka apabila ubat itu serasi dengan penyakit, ia akan sembuh dengan izin Allah 'azza wajalla (Riwayat Muslim dari hadis Abi Az-Zubair dari jabir dari Rasulullah).

Menurut Muhammad Mahmud (1992:28-29), al-Quran, sama ada keseluruhannya ataupun sebahagian daripada ayatnya adalah setinggi-tinggi penawar dan ubat paling utama. Setiap huruf yang terkandung padanya merupakan penawar penyakit jiwa, melahirkan ketenangan, penawar sakit dalaman dan luaran dengan syarat adanya iman terhadap Allah, Pencipta segala yang wujud, yang menurunkan al-Quran. Allah memberitahu bahawa al-Quran itu diturunkan sebagai peringatan kepada manusia dan penawar bagi hati orang yang beriman (*at-Taubah:30*).

Dalam sebuah hadis daripada Ali bin Abi Talib r.a. disebutkan tentang sabda Rasulullah s.a.w. yang berbunyi:

خَيْرُ الدَّاءِ الْقُرْآنُ

(Sebaik-baik ubat itu adalah al-Quran –Riwayat at-Tarmizi).

Sebuah hadis lain darilinda Abu Said al-Khudri menyatakan adanya seorang lelaki yang-telah datang menemui baginda Rasulullah s.a.w. mengadu dadanya sakit. Baginda memberitahunya agar membaca al-Quran, kerana Allah s.w.t. ada berfirman:

وَشِفَاءٌ لِمَا فِي الصُّدُورِ

(Al-Quran itu adalah penawar penyakit yang ada dalam dada).

Sebuah hadis lain, iaitu hadis daripada Jabir bin Abdullah menyatakan bahawa

فَاتِحَةُ الْكِتَابِ شِفَاءٌ مِنْ كُلِّ دَاءٍ إِلَّا السَّامَ

(Al-Fatihah itu adalah penawar semua penyakit kecuali maut)
- Riwayat Ibn Rahuwiyah daripada Ali r.a.

Pada satu hari seorang lelaki telah datang menemui Rasulullah s.a.w. mengadu kedua matanya sakit, lalu baginda berkata kepadanya:

أُنْظِرْ فِي الْمَصْحَفِ

(Lihatlah pada mashaf al-Quran).

Allah s.w.t. menjadikan manusia itu terdiri daripada tiga unsur utama, iaitu jasad, roh dan akal. Allah meniupkan roh, setelah janin dalam perut ibu cukup sifatnya (*al-Hijr': 29*). Ketika itu janin tadi hidup. Gabungan daripada roh insaniah dan akal meletakkan maqam manusia itu lebih mulia berbanding dengan makhluk lain di muka bumi ini, termasuk jin dan malaikat, membolehkan mereka menjadi khalifah (*al-Baqarah:30*), mentadbir muka bumi., dengan syarat mereka hendaklah beriman kepada Allah. Andainya mereka tidak beriman, melanggar perintah Allah, maqam mereka adalah lebih hina daripada binatang (*Al-A'raf: 38*).

Seperti jasad, roh juga memerlukan penjagaan yang rapi untuk memperoleh kesejahteraan. Roh yang tidak sihat mencetuskan sakit yang berkaitan dengan roh ataupun hati, seperti sifat takabur, riak, tamak, sifat hasad dan sebagainya. Sakit yang berkaitan dengan roh akan melahirkan tingkah laku jahat manusia, menyebabkan mereka lebih berkecenderungan melakukan kejahatan. Sakit dalaman seperti ini merupakan ransangan utama yang akhirnya tercetus melalui perlakuan jasad. Kerana itulah dikatakan bahawa **kesejahteraan roh memberi kesan pada kesejahteraan fizikal**.

Roh adalah urusan Ilahi (*Isra': 85*). Roh yang sakit perlu dirawat dengan penawar yang menepati *Ar-Ruhiyyah asy-syar'iyah* yang melibatkan iman. Menurut. Riyad Muhammad Samahah dalam bukunya bertajuk *Dalilu al-Mua'lijin bi al-Qurani al-Karim*, sakit seperti ini, paling sesuai dirawat menggunakan al-Quran, doa-doa dan sebagainya.

2.0 PRINSIP ASAS PERUBATAN

Setiap penyakit ada ubatnya. Allah s.w.t. yang menjadikan penyakit, Dialah yang menyediakan ubatnya. Setiap sesuatu mempunyai sebab yang boleh dikaitkan dengan tingkah laku manusia yang secara langsung berkaitan dengan rahsia Ilahi yang tidak difahami oleh manusia.

Allah s.w.t. memerintahkan pesuruhnya, iaitu Muhammad s.a.w. agar memberitahu mereka yang bertanyakan tentang roh, bahawa roh itu adalah urusan Ilahi (*Isra':85*). Setiap sesuatu yang berlaku, termasuk penyakit dan masalah manusia

mempunyai sebab musabab. Pencipta sebab itu ialah Allah, al-Khaliq, yang berkuasa melakukan sesuatu. Apabila ia hendak menjadikan sesuatu dan berkata: *jadilah, maka jadilah (Yasin: 82)*.

Asas Perubatan

Asas perubatan ada dua, iaitu penjagaan diri dan rawatan. Penjagaan diri lebih baik daripada merawatnya. Allah s.w.t. melarang orang yang beriman daripada membinasakan dirinya (*al-Baqarah:195*), tidak kira sama ada pembinasaan itu melibatkan pemakanan yang memberi mudarat, yang terlarang, berlebihan dan sebagainya. Allah s.w.t. menyuruh setiap orang itu makan dan minum, tetapi melarang daripada mengambilnya berlebihan (*al-Anam: 141*).

Rasulullah s.a.w. ada bersabda:

الْمَعْدَةُ بَيْتُ الدَّاءِ

(Perut itu ialah tempat penyakit).

Menurut Shamsuddin Muhammad (t.t.:13), keperluan pada makanan itu ada tiga tahap; iaitu semata-mata untuk keperluan, mencukupi dan berlebihan. Rasulullah s.w.t. memberitahu bahawa makanan itu mencukupi dengan suapan kecil yang menguatkan tulang belakang, ataupun makan memenuhi satu pertiga daripada ruang perut, satu pertiga lain untuk air manakala yang bakinya untuk bernafas.

Inilah kaedah utama yang paling memberi manfaat pada penjagaan badan, kerana perut itu tumpuan penyakit. Perut apabila penuh dengan makanan ruangan minuman menjadi sempit. Apabila minuman itu berlebihan, ruang bagi bernafas menjadi sempit, menyebabkan seseorang itu sukar bernafas, penat dan terasa berat. Semuanya ini menyebabkan berlakunya kerosakan hati, pergerakan tubuh menjadi lembab dan malas untuk melakukan ketaatan dan membangkitkan nafsu syahwat.

Kesihatan adalah nikmat yang besar yang sering terabai. Sebuah hadis daripada Ibn Abbas menyatakan tentang adanya seorang Arab yang bertanya Rasulullah s.a.w. apa yang perlu ia pohon setiap kali selepas sembahyang lima waktu. Baginda menjawab agar ia memohon kesihatan daripada Allah. Lelaki tersebut merasa tidak puas hati dengan jawapan tadi. Setelah bertanya buat kali ketiga, baginda akhirnya menjawab agar ia memohon kesihatan di dunia dan akhirat.

Sesetengah ahli tafsir menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan kalimah

" نِعْمَةٌ " yang tersebut dalam ayat al-Quran (*at-Takathur:8*): **نُؤْمٌ لِّلْمَعْدَلُنَّ يَوْمَئِذِنَ النَّعِيمِ** yang akan ditanya oleh Allah terhadap hambanya pada hari kiamat kelak ialah kesihatan. Dalam sebuah hadis lain, daripada Abu Bakar as-Siddiq, menyatakan yang ia mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

سَلُّوا اللَّهَ الْيَقِينَ وَالْمَعَاوَةَ فَمَا أُوتِيَ أَحَدٌ بَعْدَ الْيَقِينِ خَيْرٌ
مِنَ الْعَافِيَةِ.

Pohonlah kepada Allah keyakinan dan kesihatan. Tidak ada yang lebih baik yang didatangkan kepada seorang selepas keyakinan itu selain kesihatan – (Riwayat An-Nasaiy)

Kebersihan

Selain daripada bersifat sederhana dalam pengambilan makanan, kesihatan memerlukan kebersihan, iaitu pada makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya. Kebersihan adalah faktor utama bagi kesihatan luaran dan dalaman diri. Allah s.w.t. menegaskan agar setiap orang yang hendak sembahyang membasuh muka, tangan, menyapu kepala dan kaki (*al-Maidah:7*). Mesti bersih badan, tempat sembahyang dan pakaian kerana amalan seperti ini membawa kepada kesihatan badan dan roh. Sesungguhnya Allah s.w.t. itu sukakan orang yang bertaubat dan orang yang menyucikan diri (*al-Baqarah: 222*).

Penyakit Berjangkit

Rasulullah s.a.w. juga mengajar agar setiap orang itu menjauhkan diri daripada penyakit berjangkit. Rasulullah s.a.w. seperti yang disebut dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Naim, seperti yang tersebut dalam "*At-Tibbu an-Nabawi*" tidak mengauli isterinya yang sakit mata, sehinggalah sembuh.

عَنْ إِبْنِ عَبَّاسٍ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: لَا تُدِيمُوا
النَّظَرَ إِلَى الْمَجْدُومِينَ.

Daripada Ibn Abbas ia berkata, telah bersabda Rasulullah s.a.w.; jangan kamu amalkan memandang mereka yang sakit kusta - Riwayat Ibn Majah.

Tersebut dalam *at-Tibbu 'an-Nabawi* bahawa sakit kusta itu ialah penyakit yang berjangkit dan sakit keturunan. Baginda menegah seseorang itu daripada terus menerus memandang mereka. Baginda juga pernah mengumpulkan para pesakit kusta untuk hidup di kalangan mereka. Menurut Ibn Qutaibah, sakit ini boleh menjangkiti mereka yang menghampiri pesakit dengan perantaraan bau. Ciuman bau merupakan salah satu cara jangkitan.

Dalam sebuah hadis riwayat oleh A-bu Daud dan at-Tarmizi daripada Usamah bin Syuraik ia berkata bahaiwa orang-orang Arab telah bertanya kepada Rasulullah sama ada mereka perlu berubat. Baginda menjawab:

نَعَمْ يَا عِبَادَ اللَّهِ تَدَاوَوْا، فَإِنَّ اللَّهَ لَمْ يَضَعْ دَاءً إِلَّا وَضَعَ لَهُ شِفَاءً إِلَّا وَاحِدًا.

Ya, wahai hamba Allah, berubatlah, sesungguhnya Allah tidak menurunkan penyakit kecuali ia telah menetapkan baginya penawar kecuali satu.

Mereka bertanya, apakah yang satu itu, baginda menyatakan:

الْهُرَمُ

iaitu tua.

(Hadis Hasan Sahih. Lafaz oleh At-Tarmizi)

Setiap Penyakit ada ubatnya

Ternyata bahawa setiap penyakit itu ada ubatnya. Allah s.w.t. memberi penyakit, Allah juga telah menetapkan ubat ataupun penawarnya, kecuali tua. Berdasarkan keterangan hadis ini juga difahamkan bahawa tua itu adalah termasuk dalam kategori penyakit, tidak kira sama ada tua itu benar-benar penyakit, ataupun ia merupakan satu evolusi yang semestinya dilalui oleh semua manusia, yang biasanya disertai dengan pelbagai penyakit dan masalah, yang tidak ada penawarnya, ataupun ubat membolehkan orang yang tua menjadi muda, kerana setiap orang itu mempunyai had umur. Apabila tiba masa mati, ketentuan itu akan datang tanpa dapat dielakkan (al-A'raf:33). Maut adalah penghujung setiap kehidupan, segala-galanya telah ditetapkan di Loh Mahfuz (al-An'am: 38).

Keterangan di atas membuktikan bahawa telahan mengenai umur seseorang sama ada panjang ataupun pendek itu adalah urusan Ilahi. Begitu juga dengan harapan untuk hidup ataupun untuk sembuh biarpun manusia melalui pengalaman yang dilalui menurut lazimnya dapat menjangkanya.

Allah menurunkan penyakit. Dan setiap penyakit, sama ada sakit fizikal, mental ataupun yang berkaitan dengan hati ada penawarnya. Rasulullah s.a.w. menyuruh agar setiap orang yang sakit berusaha untuk berubat dengan pertolongan orang lain yang pakar dalam bidang yang dimiliki, ataupun oleh diri sendiri. Jelas terbukti bahawa tugas manusia di sini ialah berusaha untuk mendapatkan kesembuhan menurut keupayaan dan kemajuan akal tanpa putus asa. Usaha dan ikhtiar adalah tugas manusia manakala kesembuhan adalah urusan Allah yang telah ditetapkan termaktub di Loh Mahfuz.

Allah s.w.t. apabila menghendaki kebaikan itu berlaku ke atas hambanya, Ia akan menyegerakan balasan terhadap dosa-dosa yang dilakukan. Seorang lelaki telah mengadu kepada Rasulullah s.a.w. menyatakan harta bendanya telah habis, manakala badannya terasa sakit. Baginda menjawab yang bermaksud:

Tidak baik seorang hamba yang tidak hilang hartanya dan tidak sakit badannya. Sesungguhnya Allah s.w.t. apabila ia mengasihi seseorang hamba Ia akan mengujinya, dan apabila ditimpa bala maka Allah akan memberi kesabaran.

Kifarah

Kifarah adalah balasan Allah di dunia akibat dosa yang dilakukan oleh seorang hambanya, juga ujian-ujian Allah itu boleh berlaku, yang mungkin melibatkan kematian orang yang dikasihi, kehilangan harta benda ataupun penyakit, tidak kira sama ada penyakit tersebut berlaku dalam tempoh masa yang lama ataupun sekejap bergantung kepada ketentuan (qada') Ilahi atau buat selama-lamanya sehingga mati. Selagi ketentuan (qada') bagi sakit itu belum menepati qada' Allah, maka sakit (kifarah) tadi tidak akan sembuh biarpun pelbagai usaha dilakukan oleh manusia jelas di sini membuktikan bahawa ada di antara penyakit itu akan sembuh dengan sendiri biarpun tanpa usaha manusia untuk mendapatkan kesembuhan ataupun tidak akan sembuh biarpun banyak usaha untuk menyembuhkannya telah dilakukan.

Sesungguhnya, apabila Allah s.w.t. itu mengaishi seseorang hamba Ia akan mengujinya. Dan apabila Ia mengujinya, sama ada dengan menurunkan penyakit dan sebagainya, Allah akan memberikan kesabaran. Dalam menghadapi cubaan seperti ini, kesabaran adalah paling utama. *Sesungguhnya orang yang bersabar akan diberikan pahala mereka tanpa hisab (az-Zumar: 10).*

Allah s.w.t. menetapkan martabat seseorang pada maqam-maqam tertentu. Namun amalan-amalan yang dilakukan olehnya tidak membolehkannya mencapai martabat yang ditetapkan. Untuk membolehkan hamba berkenaan mencapai martabat tadi, Allah akan mengujinya, mungkin dengan menurunkan bala ke atasnya, seperti sakit, kehilangan pancaindera dan sebagainya. Apabila diberi ujian maka Allah akan memberi kesabaran. Dengan ini hamba berkenaan akan mencapai martabat tersebut. Demikianlah kehendak Allah terhadap hambanya yang dikasihi.

Sayyidatina Aishah ada berkata, bahawa baginda Rasulullah ada bersabda yang bermaksud: *Tidak menimpa ke atas seorang mukmin satu kecelakaan, biarpun duri, ataupun lebih daripada itu, melainkan Allah akan menggugurkan dengannya satu dosa. (Maksud hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim)*

Dalam sebuah hadis lain Rasulullah s.a.w. juga pernah bersabda yang bermaksud: *Rintihan orang sakit tercatat sebagai tasbih, kegelisahan dan jeritannya sebagai tahlil, nafasnya seumpama sedekah, tidurnya sebagai ibadah dan kegelisahannya, daripada satu, bahagian ke satu bahagian lain adalah bagaikan jihad kerana Allah s.w.t. dan ditulis baginya sebaik-baik amalan yang pernah dilakukan semasa sihat.*

Tidak dinafikan bahawa setiap sesuatu itu berlaku, mempunyai sebab musabab, dan boleh dikaitkan dengan tingkah laku manusia, namun pada hakikatnya di sebalik fakta-fakta yang dapat diterima akal rasionalnya, qada' dan qadar Ilahi itu mengandungi rahsia-rahsia Ilahiyah yang tidak difahami oleh manusia.

Jelas disini membuktikan bahawa setiap pihak itu perlu memainkan peranan masing-masing. Rasulullah s.a.w. menyuruh orang yang sakit agar berubat. Pakar-pakar perubatan perlu berusaha, menyelidik dan mencari penemuan-penemuan baru untuk menangani penyakit berdasarkan latar belakang dan kepakaran masing-masing. Masalah kesembuhan adalah urusan Tuhan.

Semakin banyak dan mendalam penyelidikan dilakukan, seseorang itu akan lebih insaf dan menyedari bahawa terlalu banyak ilmu yang tidak diketahui olehnya, menyedari betapa terhadnya ilmu yang dimiliki berbanding dengan ilmu Allah. Dari pengalaman seperti ini dan pengalaman harian menangani penderitaan, akan lahir golongan manusia yang berupaya bersyukur kepada Allah dengan menggunakan kepakaran yang dimiliki untuk menolong manusia, bukan untuk kepentingan diri yang terlalu mengutamakan keuntungan, atau pun untuk mengagungkan diri.

Ajal ditentukan oleh Allah

Allah s.w.t. yang menentukan ajal. Apabila tiba masa, Allah akan memerintahkan malaikat maut mencabut nyawa seseorang, menepati masa yang telah ditetapkan. Ketika itu malaikat akan tahu ketentuan ajal seseorang, dan tidak mengetahui sebelum itu. Hujah ini membuktikan bahawa ramalan-ramalan ahli-ahli nujum yang memperkatakan tentang ketentuan ajal, adalah bertentangan dengan ajaran Islam. Begitu juga dengan mereka yang terlibat dengan rawatan, jangkaan hayat itu boleh diagak, sembuh atau tidak sembuh berdasarkan pengalaman dan kajian kepakaran, namun ketentuan ajal tetap di tangan Tuhan.

Walaupun demikian, biarpun kematian itu tidak boleh diramalkan, namun semua orang faham semakin lanjut umur seseorang, bererti semakin pendeklah kadar hayat kerana setiap orang itu mempunyai ketetapan umur. Biar dalam keadaan apa sekalipun, pesakit perlu diberi harapan. Sebuah hadis daripada Abu Said alKhudri r.a. ia berkata bahawa Rasulullah s.a.w. ada bersabda:

إِذَا دَخَلْتُمْ عَلَى مَرِيضٍ فَتَفْشُوا لَهُ فِي أَجَلِهِ فَإِنَّ ذَلِكَ
لَا يَرُدُّ شَيْئًا وَيُطَيِّبُ نَفْسَهُ.

Apabila kamu semua mengunjungi pesakit, hiburkanlah dia dengan lanjut umur. Memang hiburan itu tidak menolak ketentuan Allah sedikit pun, dan sebaliknya menyenangkan hatinya - Riwayat At-Tarmizi dan Ibn Majah.

Rasulullah s.a.w. juga meminta agar dibacakan Yasin di sisi orang yang hampir mati:

إِقْرَأُوهَا عَلَى مَوْتَاكُمْ

Bacalah Surah Yasin di sisi orang yang menghadapi mati di kalangan kamu - Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah.

Surah Yasin dibaca tidak semestinya kerana ajal seseorang itu telah hampir, tetapi ia dibaca agar orang yang berada dalam keadaan tenat itu disembuhkan Allah s.w.t. andainya nyawanya masih panjang, ataupun diambil nyawanya dalam keadaan tenang sekiranya ajalnya telah hampir, kerana Surah Yasin itu dibaca menurut niat pembacanya.

Jauhi Bahan Ubat yang diharamkan oleh Allah

Sebuah hadis daripada Abu Ad-Darda' menyatakan:

إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالِدَوَاءَ وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً.
فَتَدَاوُوا، وَلَا تَتَدَاوُوا بِمُحْرَمٍ.

Sesungguhnya Allah menurunkan penyakit dan ubat. Dan menyediakan bagi setiap penyakit itu ubat. Maka berubatlah, dan jangan berubat dengan benda yang diharamkan - Riwayat Abu Daud.

Sebuah hadis riwayat, daripada Abu Hurairah menyatakan:

مَنْ تَدَاوَى بِالْحَلَالِ كَانَ لَهُ شِفَاءٌ. وَمَنْ تَدَاوَى بِحَرَامٍ لَمْ
يَجْعَلِ اللَّهُ فِيهِ شِفَاءً.

Barang siapa berubat dengan benda yang halal maka baginya kesembuhan, Dan barangsiapa berubat dengan benda haram, Allah tidak akan memberinya kesembuhan - Riwayat Abu Daud.

Dalam sebuah hadis lain baginda telah ditanya tentang arak yang dijadikan ubat. Baginda menjawab menyatakan: *Bahawa arak itu adalah penyakit bukan ubat.* Baginda juga menegah berubat dengan sesuatu yang kotor (*al-khabth*).

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عَنِ الدَّوَاءِ الْخَبِيثِ - أَبُو دَاوُدَ، التِّرْمِذِيُّ دَانَ ابْنَ مَاجَةَ.

Ibn Arabi menjelaskan yang dimaksudkan dengan perkataan "al-khabth" di sini menurut kata Arab bermaksud *sesuatu yang tidak digemari*. Andainya ia dirujuk kepada percakapan, bererti celaan, pada agama bererti kufur. Andainya dirujuk pada makanan bererti haram. Dalam sebuah hadis lain riwayat Azwad, dijelaskan bahawa ubat yang kotor itu adalah seperti racun.

Sayyidatina Aisyah r.a. telah meriwayatkan sebuah hadis yang menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. ada bersabda yang bermaksud: *"Setiap benda yang memabukkan adalah haram. Setiap sesuatu yang banyak memabukkan, maka sukatan sedikit, seperti satu genggam kecil juga haram hukurnya (Maksud hadis riwayat At-Tarmizi dan Abu Daud)"*

Menurut satu riwayat daripada Abu Saleh Muhammad bin Al-Hasom dan Ishak bin Ibrahim dan Harb, Abdullah, Al-Atram dan Ibrahim bin Al-Harta bahawa Rasulullah s.a.w. telah mengharamkan daging keldai dan susunya dalam peperangan Khaibar, dan mengharuskan minum kencing unta ketika darurat. Manakala mengambil ubat yang boleh menyebabkan mabuk makruh hukumnya.

Menurut Imam Ahmad, harus merujuk satu-satu kes penyakit kepada tabib yang terdiri daripada ahli zimmah mengenai ubat yang diharuskan, dan tidak perlu menurut nasihatnya sekiranya ubat yang dicadangkan itu terdiri daripada ubat-ubat yang diharamkan seperti arak dan sebagainya. Begitu juga tentang pendapatnya mengenai puasa, keharusan berpuasa, sembahyang duduk dan sebagainya. Pandangan seperti ini tidak boleh diterima, kecuali daripada dua orang Islam yang adil, yang terdiri daripada pakar perubatan.

Menurut al-Marwazi, Imam Ahmad telah menyuruhnya agar tidak membeli ubat yang dicadangkan oleh orang Nasrani, andainya tidak diyakini ubat itu selamat daripada campuran benda-benda haram yang terdiri daripada benda-benda yang beracun, najis dan sebagainya.

Sebuah hadis daripada Ummu Atiyyah, ia berkata, bahawa ia pernah menyertai peperangan sebanyak tujuh kali bersama Rasulullah s.a.w. di belakang kaum lelaki, dan bertugas menyediakan makanan, memberi minum kepada mereka yang cedera dan merawat mereka yang sakit. (*Maksud hadis riwayat oleh Muslim, Ibn Majah dan Ahmad.*)

Imam Ahmad berpendapat bahawa para tabib diharuskan melihat aurat perempuan ajnabiah ketika darurat, begitu juga sebaliknya. Al-Marwazi pula berpendapat harus menggunakan khidmat perempuan ajnabiah ketika seseorang lelaki itu sakit begitu juga sebaliknya, dan diharuskan melihat sebahagian daripada auratnya kerana hajat iaitu ketika ketiadaan lelaki ataupun mahramnya. Kaum wanita juga harus memandikan mayat lelaki ketika tidak ada kaum lelaki untuk memandikannya.

Begitu juga harus bagi kaum wanita mengambil ubat untuk memberhentikan haidnya sekiranya ubat itu diyakini tidak memberi mudarat, iaitu sekiranya ia tidak mempunyai suami, andainya ia mempunyai suami, keharusan itu bergantung kepada izin suami (Abi Abdullah Mohammad, 1984:237).

3.0 HUKUM DAN AMALAN

Kaedah perubatan Islam **sering disalah ertikan** oleh masyarakat, dimana konsep tersebut sering merujuk kepada:

1. Kaedah rawatan yang menggunakan doa-doa, yang merangkumi pelbagai ungkapan kata yang mengandungi kata-kata pengaruh Islam, seperti penggunaan kalimah salam, bismillah, nama-nama nabi dan rasul-rasul, nama-nama malaikat, kalimah barakat dan sebagainya, termasuk kalimah syahadah.
2. Anggapan seperti ini mencetuskan pemahaman seolah-olah kaedah-kaedah rawatan lain, selain daripada kaedah di atas, tidak termasuk dalam kaedah yang dinamakan "Rawatan Islam" atau "Perubatan Islam". Mereka kata bidang rawatan lain terkeluar daripada apa yang diistilahkan sebagai Rawatan Islam.

3. Rasulullah s.a.w. ada bersabda menyatakan bahawa, kalau tidak kerana tiga perkara, manusia tidak akan insaf menundukkan kepalanya, iaitu kefakiran, sakit dan kematian. Kebanyakan manusia akan mengingati Allah ketika dalam keadaan susah, lalu dalam keadaan "desperate" dan putus asa berdoa, untuk mengatasi penderitaan yang ditanggung. Jelas di sini menunjukkan bahawa berdoa itu seolah-olah menggambarkan amalan manusia yang telah putus asa, tidak ada harapan dan ikhtiar lain. Kerana itu timbul tanda tanya yang boleh dijadikan ejekan atau senda, bagaimanakah orang yang berdoa, yang biasanya terdiri daripada mereka yang putus asa, tidak berupaya mengatasi masalah diri sendiri hendak melakukan rawatan.
4. Oleh kerana perubatan Islam itu diberi satu ruang lingkup terhad, yang hanya merangkumi doa-doa ataupun ungkapan kata yang mengandungi pengaruh Islam, mereka yang berpendidikan agama sering dianggap sebagai berupaya menguasai bidang ilmu ini, kerana mereka ini dianggap sebagai golongan yang menguasai pembacaan doa-doa dan sebagainya, padahal ilmu perubatan tersebut adalah satu bidang ilmu khusus, di mana didikan agama, biarpun di mana kurikulum pembelajaran itu didedahkan, ia tidak merangkumi bidang Rawatan Islam yang melibatkan doa-doa. Dari sinilah lahirnya golongan agama sendiri yang menafikan keperluan doa sebagai salah satu kaedah rawatan.

Situasi seperti ini menyebabkan mereka yang melibatkan diri menggunakan doa-doa untuk tujuan rawatan sering menghadapi pandangan sinis, sindiran dan cemuhan daripada mereka yang menafsirkan bahawa bidang yang mereka ceburi itu sebagai terkeluar daripada Rawatan Islam, daripada golongan agama, dan dianggap sebagai menggugat profession mereka yang melibatkan diri dengan rawatan perubatan Melayu tradisional.

Memang benar kaedah perubatan Islam yang difahami umum sekarang ini tertumpu kepada amalan-amalan yang mengandungi doa-doa yang terdiri daripada ayat-ayat al-Quran, hadis-hadis, doa-doa al-ma'thurat, doa-doa para salihin, doa-doa yang diamalkan oleh orang Melayu tradisional yang diyakini tidak bertentangan dengan ajaran Islam, di samping penggunaan bahan-bahan tertentu, yang tidak terlarang terutamanya air. Walaupun demikian, amalan dan kaedah ini tidak mendakwa bahawa kaedah tersebut mencakupi keseluruhan apa yang difahami sebagai "Perubatan Islam" yang disalahertikan dan menolak secara total atau menafikan lain-lain kaedah rawatan termasuk rawatan di hospital dan klinik.

Ilmu seperti ini sesuai bagi mereka yang tidak mempunyai latar belakang perubatan '**alopathi**' formal, terutamanya mereka yang berpendidikan agama, yang secara langsung banyak mempelajari ilmu-ilmu al-Quran, hadis-hadis dan syariah Islamiah. Walaupun demikian, ilmu seperti ini akan lebih mudah dan banyak memberi manfaat dan sumbangan kepada mereka yang berlatarbelakangkan orientasi perubatan alopatti yang beragama Islam, kerana kaedah-kaedah dan bacaan-bacaan yang dituturkan adalah berlandaskan ajaran Islam yang perlu dijadikan ikutan oleh umatnya. Dalam masa yang sama adalah difahami bahawa penyakit pada hakikatnya berpunca daripada sebab yang banyak dan berbeza, yang memerlukan rawatan yang berbeza menurut kesesuaian atau keserasian.

Masyarakat pada umumnya tidak dapat membezakan antara kaedah perubatan Islam yang menggunakan doa-doa dan kaedah rawatan Melayu tradisional. Rawatan yang menggunakan ungkapan kata yang mengandungi unsur-unsur Islam seperti yang dijelaskan, tidak membuktikan bahawa kaedah yang diamalkan itu merupakan kaedah perubatan Islam yang sebenar. Tukang-tukang tilik dan ramal yang melibatkan diri dengan rawatan Melayu tradisional juga memanggil jin-jin untuk melakukan sihir dengan menyebut kalimah-kalimah yang kedengaran seperti sebutan a'uzubillāh, menyebut kalimah salam, sebutan nama-nama nabi, termasuk kalimah syahadah. Keadaan seperti ini selain melahirkan keraguan dan kecelaruan, ia juga memberi imej buruk terhadap mereka yang melibatkan diri dengan kaedah Perubatan Islam yang menggunakan doa-doa seperti yang dijelaskan.

Sebahagian daripada mereka yang melibatkan diri dengan rawatan Melayu tradisional berdampingan dengan makhluk-makhluk halus, yang dibela, dibuat sahabat ataupun saudara. Dari sinilah lahirnya mereka yang dikatakan mempunyai kelebihan menilik pelbagai punca penyakit, meramal perkara-perkara ghaib, yang telah berlaku dan yang akan datang, juga melibatkan diri dengan amalan sihir.

Inilah di antara kandungan ilmu kebatinan Melayu yang masih diamalkan sehingga sekarang ini. Kekuatan atau keupayaan mereka pada hakikatnya terletak pada sokongan makhluk-makhluk halus yang berdampingan, yang pada kebiasaannya dilakukan ketika dalam keadaan menurun. Oleh kerana kekuatan yang mereka miliki terjadi dengan sokongan makhluk-makhluk tadi maka kebanyakan sakit dikatakan berpunca daripada gangguan makhluk-makhluk halus.

Oleh kerana penyakit itu sering dirujuk sebagai berpunca daripada makhluk-makhluk halus yang terdiri daripada iblis dan syaitan ataupun sihir, yang menyebabkan gangguan, ataupun lain-lain penyakit, pada hal ia sebenarnya mungkin berpunca daripada lain-lain faktor, yang dapat dibuktikan seperti ketegangan, ketidakseimbangan, kecederaan, akibat gangguan agen-agen parasit seperti virus, kuman, kulat, toksin dan sebagainya, maka telahan-telahan seumpama ini menyebabkan sebahagian daripada masyarakat menolak sama sekali kaedah perubatan tradisional, termasuk kaedah yang menggunakan ayat-ayat al-Quran.

Salah Faham Rawatan Islam & Rawatan Tradisional

Prinsip dan kaedah pembelajaran mereka yang melibatkan diri dengan rawatan Melayu tradisional dan rawatan yang diistilahkan sebagai Rawatan Islam yang menggunakan doa-doa adalah berbeza. Walaupun demikian, oleh kerana maklumat mengenai rawatan Islam itu tidak dimengerti oleh sebahagian besar masyarakat; akibat pendedahannya yang terhad dan akibat kekaburan maklumat sebenar rawatan Melayu tradisional, yang sering menjadi rahsia daripada pengetahuan umum, yang berselindung di sebaliknya prinsip ilmu kebatinan, maka masyarakat umumnya menganggap kedua-duanya sebagai kaedah rawatan yang sama, apatah lagi dengan adanya golongan tertentu yang mencampuradukkan kaedah-kaedah rawatan tradisional dengan pelbagai elemen pengaruh Islam seperti yang dijelaskan diatas.

Keadaan seperti ini menjadi lebih gawat dan tidak menentu apabila pihak yang dianggap sebagai memahami kaedah-kaedah rawatan Islam, yang sebenarnya tidak tahu hakikatnya cuba memperkatakan mengenainya. Hukum sihir itu adalah jelas. Ia termasuk dalam kategori dosa-dosa besar. Tegahan mengenainya termaktub jelas dalam al-Quran, hadis dan kitab-kitab, tetapi untuk mengidentifikasi hakikat sihir, ia memerlukan satu bidang ilmu lain yang memerlukan penyelidikan yang serius. Adalah terlalu malang bagi mereka yang hanya mengetahui hukum-larancran mengenai sihir, tetapi tidak tahu hakikat sihir cuba memperkatakan tentang rawatan Melayu tradisional ataupun Rawatan Islam.

4.0 DOA DAN RAWATAN

Allah s.w.t. menyuruh setiap orang Islam agar sentiasa berdoa kepadanya, dan Dia akan memperkenankannya (*Ghafir: 60, Ibrahim: 34*). Orang yang berdoa, bererti ia ingatkan Allah. Allah mahukan setiap hambanya agar mengingatnya pada zikir lidah juga pada setiap amalan. Setiap perbuatan mesti dilakukan kerana Allah membolehkan perbuatan itu diperkira sebagai ibadah, termasuk amalan yang melibatkan rawatan, yang akan diberi ganjaran. Inilah yang membezakan, antara amalan yang dilakukan sebagai adat dan ibadah. Apabila sesuatu perbuatan itu termasuk dalam kategori ibadah, segala tindak tanduk yang bertentangan dengan ajaran syariah perlu dihindarkan.

Pada hakikatnya, berdoa bukan amalan orang yang lemah, putus asas atau tidak mempunyai harapan setelah banyak ikhtiar dilakukan tetapi gagal. Doa ialah senjata orang yang beriman. Rasulullah s.a.w. juga ada bersabda, menyatakan bahawa;

الدُّعَاءُ مَخُّ الْعِبَادَةِ

(Doa itu adalah otak ibadah).

Bererti bahawa setiap ibadah itu mesti bermula atau disertai doa.

Untuk hidup sejahtera, manusia perlukan otak. Ibadah seseorang itu perlukan otak. Pada manusia, otak ibadah itu ialah doa. Pada manusia, otak adalah organ yang sangat kompleks, pusat segala aktiviti, menjalankan fungsi berfikir, punca reaksi seperti takut, bimbang, rasa sensitif dan sebagainya, mengawal pergerakan tubuh yang tidak boleh diganti apabila rosak. Gangguan pada otak menyebabkan berlakunya gangguan emosi, yang mungkin boleh membawa maut. Kita lihat di sini betapa pentingnya otak dalam kehidupan manusia, begitulah keperluan doa dalam ibadah, seperti yang dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. yang tidak boleh dinafikan.

Doa-doa yang dibaca, sama ada yang terdiri daripada ayat-ayat al-Quran, sumber hadis dan lain-lainnya hanya merupakan satu kaedah ataupun wasilah dalam usaha mendapatkan kesembuhan, yang dituturkan dengan lidah dan niat dalam hati. Begitu juga dengan bahan-bahan yang digunakan, sama ada air zam-zam atau air biasa. Kesembuhan sebenar adalah daripada Allah s.w.t. Apabila Allah s.w.t. memperkenankan doa seseorang, maka Allah akan memberi kesembuhan, biar betapa besar atau kecilnya penyakit atau masalah yang dihadapi oleh

seseorang, kerana Allah s.w.t. itu maha berkuasa dan tidak digagahi oleh sesiapa pun. Urusan Allah, apabila ia menghendaki sesuatu dengan berkata: *jadilah, maka jadilah* (Surah Yasin: 82).

Jelas disini bahawa kata-kata atau sindiran adakah doa boleh menyembuhkan penyakit atau tidak bukan persoalan utama, sama seperti persoalan yang ditimbulkan oleh golongan tertentu sama ada amalan merawat menggunakan doa dan air itu boleh dipanggil sebagai Perubatan Islam.

Kisah Sahabat Nabi merawat dengan Surah Al-Fatihah

Dalam sebuah hadis daripada Abu Said al-Khudri r.a. ia menjelaskan adanya satu kumpulan sahabat Rasulullah s.a.w. yang keluar pergi musafir. Di tengah perjalanan mereka telah singgah di sebuah perkampungan Badwi. Mereka telah meminta makanan, tetapi penduduk kampung tersebut enggan memberinya.

Dengan takdir Allah s.w.t., tidak lama setelah itu, ketua kampung berkenaan telah disengat binatang. Mereka telah berusaha untuk mengubatnya tetapi gagal. Seseengah daripada mereka mencadangkan agar mereka meminta pertolongan daripada kumpulan orang Islam yang singgah di kampung tadi. Mungkin mereka boleh membuat sesuatu untuk merawat.

Mendengarkan harapan yang begitu tinggi terhadap mereka, sebahagian daripada orang Islam tadi memberitahu bahawa mereka boleh menolongnya, tetapi oleh kerana penduduk tersebut pernah menolak permintaan mereka sebelum itu, mereka tidak akan menolongnya kecuali setelah berjanji memberi upah.

Rombongan itu bersetuju atas permintaan tadi untuk memberi beberapa ekor kambing. Orang Islam yang berkenaan datang menemui ketua kaum yang sedang sakit, lalu dihembusnya dengan air ludah pada tempat yang sakit tadi sambil membaca: "**Alhamdulillah**". Dalam satu riwayat lain disebutkan bahawa doa yang dibaca ialah **Surah al-Fatihah** lalu perawat tadi mengumpulkan air ludahnya dan dihembuskan, menyebabkan pesakit beransur sembuh. Dalam satu riwayat lain, dijelaskan bahawa upah yang diberi ialah tiga puluh ekor kambing.

Keterangan hadis ini memperlihatkan bahawa Surah al-Fatihah itu amat besar fadilatnya, di antaranya ialah untuk merawat pesakit akibat terkena racun, seperti disengat kala jengking, lipan dan sebagainya.

Dijelaskan juga dalam keterangan hadis ini bahawa perawat, dengan izin Allah berjaya melakukan rawatan dengan membaca *Ummu al-Qur'an* (Surah al-Fatihah). Kalau difikiri dari segi logiknya, terlalu sukar untuk menerima hakikat, bahawa pesakit boleh sembuh hanya dengan bacaan Surah al-Fatihah dan sedikit hembusan air ludah.

Setiap orang Islam boleh dikatakan tahu membaca Surah al-Fatihah, tetapi untuk meyakinkan bahawa bacaan yang dituturkan membolehkan seorang pesakit, seperti sakit terkena gigit kala jengking ataupun lipan boleh sembuh, sering dirasakan seupama sesuatu yang sukar diterima. Malah kita sendiri mungkin tidak

yakin bahawa usaha seperti ini boleh berjaya. Tetapi, kesembuhan seperti ini bukan sesuatu yang mustahil, kerana Allah s.w.t. itu maha berkuasa, tidak digagahi oleh sesuatu, apabila Ia menghendaki sesuatu, Ia berkata: *jadilah maka jadilah* (Surah Yasin: 82).

Doa yang makbul

Allah s.w.t. menyuruh setiap hambanya agar berdoa, memohon kepadanya, dan Allah s.w.t. akan memperkenankannya, sama ada diberi dengan cepat, lambat, diberi ketika seseorang itu hidup di dunia ataupun di akhirat kelak. Jelas di sini bahawa bukan sesuatu yang mustahil doa-doa yang dibaca oleh seseorang itu boleh menyebabkan sakit yang dideritai oleh seseorang itu sembuh dengan izin Allah, biar betapa berat derita yang dialami atau betapa besar masalah yang ditanggung oleh seseorang.

Doa-doa yang dibaca hakikatnya bukan merupakan faktor utama kesembuhan. Dua orang yang cuba merawat pesakit dengan menggunakan bacaan Surah al-Fatihah, ataupun lain-lain doa, tidak semestinya melahirkan natijah yang sama. Mungkin salah seorang daripada pesakit akan sembuh, ataupun semakin teruk, padahal doa yang dibaca adalah sama. Hal demikian membuktikan bahawa doa-doa yang dituturkan hanya merupakan salah satu usaha rawatan, ataupun usaha untuk memperoleh kesembuhan. Kesembuhan yang sebenar ialah kemakbulan daripada Allah s.w.t. iaitu apabila doa-doa yang dibaca itu dikabulkan.

Kemakbulan ataupun kemustajaban doa yang dibaca pula berkait rapat dengan taraf ataupun kualiti diri seseorang di sisi Allah. Semakin hampir seseorang itu kepada Allah, maka semakin mudahlah doa-doa yang dipohon itu dikabulkan. Orang yang hampir kepada Allah ialah mereka yang bersifat warak, zuhud dan taqwa. Apabila seseorang hamba itu hampir kepada Allah, maka Allah akan mengasihinya.

Orang-orang yang dikasihi Allah ialah mereka yang melakukan amalan-amalan yang difardukan, juga amalan sunat secara terus menerus. Allah akan memberi kekuatan dan memperkenankan doa-doa andainya ia memohon, dan melindunginya apabila ia berbuat demikian.